

## Selangor warta 60 peratus perkampungan Orang Asli

**Shah Alam:** Kerajaan negeri Selangor mewartakan kira-kira 60 peratus daripada 74 perkampungan Orang Asli di negeri ini, se-takat ini bagi mengelakkan ia diceroboh pihak tidak bertanggungjawab.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri Hee Loy Sian berkata, 40 peratus lagi pewartaan terhadap 14 perkampungan Orang Asli itu dijangka diselesaikan dalam tempoh tiga tahun lagi.

“Kita perlu segera membuat pewartaan terhadap perkampungan Orang Asli bagi mengelak pihak lain mengambil alih dan menguruskan tanah berkenaan dengan sewenang-wenangnya,” katanya kepada pem-

berita selepas Majlis Penyerahan Peruntukan bagi Persatuan Agama Kristian Negeri Selangor di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Beliau berkata, untuk tahun depan, kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta bagi pembangunan Orang Asli merangkumi RM500,000 untuk usaha mewartakan perkampungan golongan berkenaan, manakala RM500,000 lagi bagi menaik taraf infrastruktur mereka.

Terdahulu pada majlis itu, kerajaan negeri menyerahkan peruntukan RM237,200 kepada 23 gereja di Selangor bagi membantu pengurusan rumah ibadat berkenaan menjalankan aktiviti. - Bernama